



**FAMA**

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN ♦ KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY ♦ MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA

Tel: 603-61262020

Fax: 603-61383650

E-Mail: fama@fama.gov.my

Bil. Surat Kami :

**FAMA/RE/KW 100-4/1(9)**

Bil. Surat Tuan :

29 September 2011

Ketua Pengarah  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.3 Persiaran Perdana, Presint 2  
62596 Putrajaya

Y. Bhg. Dato',

**PELAKSANAAN PERAKUAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF CONFORMITY) KE ATAS  
KELUARAN PERTANIAN ATAU SURAT PENGECUALIAN YANG DIKELUARKAN OLEH  
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setelah mengadakan perbincangan dengan pihak industri, Lembaga bersejua supaya:
  - i. Keperluan Perakuan Pematuhan (Certificate of Conformity) atau Surat Pengecualian ke atas Keluaran Pertanian di Ruangan (2) dan (3) pindaan dalam Bahagian II, Jadual Keempat Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 [P.U. (A) 86/2008] adalah dikecualikan sementara mulai 1 Julai 2011 hingga 31 Oktober 2011 bagi pintu masuk Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, Langkawi dan Tioman.
  - ii. Keperluan Perakuan Pematuhan (Certificate of Conformity) atau Surat Pengecualian ke atas Keluaran Pertanian di Ruangan (2) dan (3) pindaan dalam Jadual Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008 [P.U. (A) 87/2008] adalah dikecualikan sementara mulai 1 Julai 2011 hingga 31 Oktober 2011 bagi pintu keluar Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, Langkawi dan Tioman.
  - iii. Keperluan Perakuan Pematuhan (Certificate of Conformity) atau Surat Pengecualian ke atas Keluaran Pertanian bagi kedua-dua Perintah Kastam di atas adalah dikecualikan sementara mulai 1 Julai 2011 sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak bagi pintu masuk/keluar di Negeri Sabah dan Sarawak.
3. Untuk makluman pihak Y. Bhg. Dato', penangguhan ini adalah disebabkan oleh kerana sistem dalam talian e-Sijil 3P tidak dapat beroperasi dengan sepenuhnya di beberapa pintu-

3. Untuk makluman pihak Y.Bhg.Dato', penangguhan ini adalah disebabkan oleh kerana sistem dalam talian e-Sijil 3P tidak dapat beroperasi dengan sepenuhnya di beberapa pintu-pintu masuk dan keluar di Semenanjung Malaysia. Pihak FAMA telah memutuskan bersama pihak vendor Dagangnet, sistem akan beroperasi sepenuhnya pada 1 November 2011. Sebarang kesulitan yang timbul amat dikesali dan pihak Lembaga memohon maaf di atas kesukaran yang dihadapi.

4. Sukacita mendapat kerjasama dan bantuan daripada pihak Kastam Diraja Malaysia bagi melaksanakan keputusan di atas.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(ISHAK ABBAS)

b.p Ketua Pengarah

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

s.k 1. Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia  
(MAQIS)

Wisma Tani, Atas 7, Blok Podium 4G2

No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,

62628 Putrajaya.

2. Pengarah Kastam

Bahagian Kastam

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No.3 Persiaran Perdana, Presint 2

62596 Putrajaya

(u.p : Pn. Rapeah bt. Abd. Hadi)

3. Pengarah Kastam

Bahagian Perkhidmatan Teknik

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No.3 Persiaran Perdana, Presint 2

62596 Putrajaya

(u.p : Tn.Hj. Abdul Ghani bin Saruji)